



MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan **KEUTAMAAN KEPADA RAKYAT NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN YANG BERKELAYAKAN SAHAJA** untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29**
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **SISTEM MAKLUMAT**
- KUMPULAN** : **PELAKSANA**
- TARAF JAWATAN** : **KONTRAK UNTUK PERKHIDMATAN (CONTRACT FOR SERVICE)**
- TEMPOH PERKHIDMATAN** : **SATU (1) TAHUN**
- JUMLAH KEKOSONGAN** : **SATU (1) KEKOSONGAN JAWATAN**

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (i) sijil dalam bidang kejuruteraan komputer, teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Bayaran perkhidmatan : RM 2,259.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Bayaran perkhidmatan : RM 2,565.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Bayaran perkhidmatan : RM 2,639.89).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT – SYARAT PERKHIDMATAN :

- (i) Kontrak untuk perkhidmatan (***Contract For Service***) tiada jaminan untuk dilantik ke jawatan tetap.
- (ii) Bayaran perkhidmatan adalah seperti yang dinyatakan di dalam iklan jawatan kosong.
- (iii) Kerajaan tidak akan mencarumkan dalam sistem Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

FUNGSI BIDANG TUGAS :

Membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

2. JAWATAN	:	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK PERKHIDMATAN (CONTRACT OF SERVICE)
TEMPOH PERKHIDMATAN	:	SATU (1) TAHUN
JUMLAH KEKOSONGAN	:	SATU (1) KEKOSONGAN JAWATAN
JADUAL GAJI (MINIMUM – MAKSIMUM)	:	RM 1,377.00 – RM 4,052.00
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM 100.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	RM 115.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	RM 300.00
BANTUAN SARA HIDUP	:	RM 250.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang teknologi maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM 1,435.12); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang teknologi maklumat atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM 1,493.24).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN :

Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

FUNGSI BIDANG TUGAS :

Melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi perkomputeran dan operasi sistem dalam sesebuah organisasi.

PANDUAN PERMOHONAN :

- (1) Permohonan boleh dibuat melalui portal egerbang.perak.gov.my/vacancy sahaja.
- (2) Pemohon perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum membuat pengisian maklumat yang diperlukan dalam portal ini.
- (3) Pemohon **TIDAK PERLU** mengemukakan sebarang salinan dokumen selepas mengisi secara atas talian. Pihak Majlis hanya akan menghubungi calon-calon yang layak untuk ditemu duga sahaja. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam masa enam (6) bulan selepas tarikh tutup iklan adalah dianggap **TIDAK BERJAYA**.
- (1) Permohonan daripada kakitangan kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilain Prestasi Tahunan terakhir dan perlu dibawa semasa Sesi Ujian Bertulis / Temuduga.
- (5) Calon-calon yang layak dipanggil temu duga dikehendaki membawa dokumen asal dan salinan dokumen yang telah disahkan seperti **Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, sijil-sijil persekolahan / akademik** yang telah disahkan dan lain-lain dokumen yang perlu dikemukakan.
- (6) Permohonan rakyat Negeri Perak yang lahir di luar Perak, sila kemukakan salinan Kad Pengenalan bapa yang telah disahkan dan perlu dibawa semasa Ujian Bertulis / Temuduga.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Tarikh tutup permohonan untuk jawatan-jawatan yang diiklankan ialah pada **21 November 2018. (RABU)**